900/1
Pengajian Am
Kertas 1
Sept.
2009
2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2009

PENGAJIAN AM
KERTAS 1
(ANEKA PILIHAN)

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan kepada calon :

Ada **enam puluh** *soalan dalam ujian ini. Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan : anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat dan menandakannya pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan.*

Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Jawab **semua** *soalan. Markah tidak akan ditolak bagi jawapan yang salah : jumlah markah anda dalam ujian ini ialah bilangan soalan yang dijawab dengan betul.*

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

1. Yang manakah berkaitan dengan program untuk menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu sumber utama pertumbuhan ekonomi negara?

I Mengurangkan import makanan
II Meningkatkan pengeluaran padi
III Menggalakkan penanaman florikultur, herba dan rempah ratus
IV Mengambil pekerja asing untuk bekerja di sektor perladangan dan penternakan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2.

- Keupayaan untuk Berdikari
- Kerjasama Serantau
- Bantuan Luar

Penyataan di atas berkaitan dengan prinsip

A Dasar Pertahanan Negara
B Dasar Sogososha Malaysia
C Dasar Perindustrian Negara
D Dasar Pertanian Negara Ketiga

3.

- Sistem Meritokrasi
- Memastikan semua kanak-kanak memasuki sekolah pada usia 5 tahun

Penyataan di atas berkaitan dengan

A Pendemokrasian Pendidikan
B Dasar Pelajaran Kebangsaan
C Rancangan Malaysia Kesembilan
D Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

4.

- Stok Penimbal Kebangsaan
- Pusat Panggilan Kebangsaan

Penyataan di atas berkaitan dengan langkah kerajaan untuk

A mengawal inflasi
B mengawal panggilan kecemasan palsu
C mengawal bekalan kelapa sawit dan getah
D mengawal bekalan minyak petrol dan diesel

5.

Meningkatkan keupayaan negara dari aspek daya saing, perpaduan, pengagihan dan kualiti hidup

Penyataan di atas berkaitan dengan matlamat

A Misi Nasional
B Dasar Wanita Negara
C Dasar Kependudukan Negara
D Dasar Pembangunan Nasional

6.

- Memastikan sumber negara digunakan secara optimum
- Meninggikan kadar pertumbuhan ekonomi dan menyusun semula struktur dan ketidakseimbangan ekonomi

Penyataan di atas merujuk kepada

A Dasar Penswastaan
B Dasar Perindustrian Berat
C Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
D Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam

7.

- Membina Negara Bangsa
- Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Penyataan di atas merujuk kepada

A Misi Nasional
B Dasar Sosial Negara
C Dasar Pelajaran Kebangsaan
D Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

8. Yang manakah benar tentang Dasar Telekomunikasi Negara?

I Menurunkan kadar sewa talian tetap
II Mengurangkan penggunaan telefon awam
III Melancarkan satelit MEASAT, TiungSAT dan RazakSAT
IV Menggalakkan hubungan yang erat antara kaum dan wilayah

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

9.

- Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara
- Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan

Penyataan di atas merujuk kepada

A Dasar Sosial Negara
B Pelan Integriti Nasional
C Dasar Kebudayaan Kebangsaan
D Dasar Kepimpinan Melalui Teladan

10.

- Memajukan pembangunan sumber manusia dan kesedaran awam
- Memajukan pelaburan dan pemindahan teknologi asing

Penyataan di atas merujuk kepada

A Dasar Sogoshosha
B Dasar Bioteknologi
C Dasar Pengguna Negara
D Dasar Harta Intelek Negara

11. Yang manakah berikut benar tentang Pelan Integriti Nasional?

I Memantapkan institusi keluarga
II Meningkatkan amalan penggunaan lestari
III Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dengan berkesan
IV Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

12.

- Mengeratkan hubungan Malaysia dengan negara-negara sedang membangun
- Memberi peluang kepada pihak swasta Malaysia membuat pelaburan di negara-negara sedang membangun

Penyataan di atas berkaitan dengan

A Pertubuhan Persidangan Islam
B Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik
C Rancangan Kerjasama Teknikal Malaysia
D Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara

13.

- Menyuarakan rasa tidak puas hati dan tentangan terhadap Dasar Apartheid di Afrika Selatan
- Memberi biasiswa kepada pelajar Britain, India, New Zealand dan negara-negara lain untuk belajar di Malaysia

Penyataan di atas berkaitan dengan peranan Malaysia dalam

A Pertubuhan Komanwel
B Pertubuhan Persidangan Islam
C Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
D Pergerakan Negara-Negara Berkecuali

14. Yang manakah berikut merupakan matlamat Pertubuhan Persidangan Islam?

I Memajukan taraf hidup rakyat negara anggota
II Mengurangkan kebergantungan keterlaluan dengan negara maju
III Menyokong perdamaian dan keselamatan antarabangsa berteraskan keadilan
IV Menyokong perjuangan rakyat Palestin bagi mendapatkan semula tanah air dan hak-hak asasi mereka

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Yang manakah benar tentang hubungan Malaysia dengan negara jiran?

A Isu pertikaian Pulau Ligitan dan Sipadan masih belum selesai
B Kepulauan Spratly menjadi rebutan banyak pihak termasuk Malaysia
C Masalah keganasan di selatan Thailand telah mengeruhkan hubungan Malaysia dengan Thailand
D Pulau Batu Putih telah menjadi milik Malaysia selepas dibicarakan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa

16. Yang manakah berikut merupakan hasil kerjasama ekonomi ASEAN?

I Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN diwujudkan
II Mewujudkan syarikat kerjasama dalam pelbagai projek perindustrian
III Menggunakan mata wang ASEAN untuk menggantikan Dolar Amerika
IV Penyataan pendirian bersama tentang kebanyakan isu ekonomi antarabangsa

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17. Yang manakah benar tentang tujuan penubuhan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali?

I Mengakui persamaan semua bangsa dan negara
II Berfokus kepada isu-isu politik negara-negara anggota
III Menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah semua negara
IV Membenarkan campur tangan asing untuk menangani masalah politik dalaman negara-negara anggota

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

18.

Isu		Peranan agensi PBB	
P	Membantu Thailand, Indonesia dan Korea Selatan semasa kegawatan ekonomi 1998	I	Pertubuhan Makanan dan Pertanian
Q	Tuntutan Pulau Batu Putih	II	Mahkamah Jenayah Antarabangsa
R	Penangkapan pemimpin Serbia	III	Mahkamah Keadilan Antarabangsa
S	Masalah pelarian Darfur di Sudan	IV	Tabung Kewangan Antarabangsa

Yang manakah padanan yang betul antara isu dengan peranan badan-badan tertentu di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?

	P	Q	R	S
A	I	II	IV	III
B	III	I	II	IV
C	IV	II	III	I
D	IV	III	II	I

19. Yang manakah benar tentang agenda ASEAN?

I Pengawalan kegiatan pengedaran dadah
II Pemupukan kerjasama ketenteraan serantau
III Campur tangan untuk menyelesaikan rusuhan politik di selatan Thailand
IV Peningkatan kerjasama dalam bidang pendidikan dan kesihatan serantau

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20.

- Mengadakan dialog antara negara-negara maju dan membangun
- Mengenal pasti dan menggalakkan kerjasama teknikal dalam kalangan anggota

Penyataan di atas merujuk kepada

A Kumpulan 15
B Dialog Utara-Selatan
C Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
D Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan

21. Yang manakah merupakan tugas Majlis Raja-Raja?

I Melantik anggota Mahkamah Khas
II Melantik ahli Lembaga Pengampunan Persekutuan
III Menolak permintaan Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat
IV Mengampun, menggantung, atau meringankan hukuman yang dikenakan terhadap Yang di-Pertuan Agong oleh Mahkamah Khas

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

22. Yang manakah berikut akan disabit kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 (Disemak 1969)?

I Mempersoalkan kedaulatan raja-raja dalam blog
II Membincangkan kes rasuah yang membabitkan ahli kabinet
III Mempersoalkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
IV Mengutarakan kelemahan jentera pentadbiran negara dalam media massa

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

23. Yang manakah benar tentang peluasan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan terhadap bidang kuasa Kerajaan Negeri?

I Menetapkan hari kelepasan am negeri
II Memberi nasihat dan bantuan teknikal
III Mengawal belanjawan Kerajaan Negeri
IV Menyiasat kegiatan-kegiatan jabatan negeri

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

24. Yang manakah benar tentang ahli kabinet?

I Perlu bertindak secara kolektif
II Dilantik oleh Perdana Menteri
III Merupakan ahli parti politik yang berdaftar
IV Merupakan ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

25.

- Sewa tapak pasar Ramadhan
- Papan tanda premis perniagaan

Penyataan di atas merujuk kepada tanggungjawab

A Pejabat Daerah
B Kerajaan Negeri
C Kerajaan Tempatan
D Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

26. Yang manakah benar tentang Majlis Perbandaran?

I Ketua eksekutifnya ialah Setiausaha
II Ahli-ahlinya dilantik oleh Kerajaan Negeri
III Majlis Perbandaran ialah sebuah badan berkanun
IV Kakitangan Majlis Perbandaran dilantik oleh Kerajaan Negeri

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27.

Jawatan		Penentu Saraan	
X	Pengarah	I	Kabinet
Y	Menteri Pelajaran	II	Majlis Parlimen
Z	Setiausaha Politik	III	Jabatan Perkhidmatan Awam

Yang manakah merupakan padanan yang betul ?

	X	Y	Z
A	I	II	III
B	I	III	II
C	III	I	II
D	III	II	I

28. Yang manakah merupakan agensi yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri?

I Institut Sosial Negara
II Pentadbiran Istana Negara
III Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
IV Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

29.

- Memberi biasiswa kepada pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia
- Menggubal dasar dan memastikan kecekapan pegawai perkhidmatan awam.

Penyataan di atas merujuk kepada bidang tugas

A Bank Negara
B Perbendaharaan
C Majlis Amanah Rakyat
D Jabatan Perkhidmatan Awam

30. Yang manakah merupakan jawatan yang dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri?

I Ketua Menteri
II Hakim Mahkamah Sesyen
III Mufti dan Hakim Mahkamah Syariah
IV Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

31. Di bawah Perlembagaan Negeri, seseorang raja perlu bertindak mengikut nasihat

A Majlis Raja-Raja
B Dewan Undangan Negeri
C Penasihat Undang-undang Negeri
D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

32.

	Jawatan	Dilantik oleh
I	Ketua Setiausaha Negara	Perdana Menteri
II	Ketua Audit Negara	Yang di-Pertuan Agong
III	Pengerusi Suruhanjaya	Kabinet
IV	Gabenor Bank Negara	Menteri Kewangan

Yang manakah benar tentang jawatan dan kuasa pelantikannya?

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

33. Yang manakah merupakan penyelaras antara pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

I Majlis Tanah Negara
II Majlis Perancang Negara
III Majlis Kewangan Negara
IV Majlis Keselamatan Negara

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

34. Yang manakah benar tentang badan berkanun?

I Penubuhannya di bawah Akta Syarikat 1965
II Anggaran belanjawannya mesti diluluskan oleh Perbendaharaan
III Pegawai dari agensi pusat menganggotai Lembaga Pengarahnya
IV Perbadanan Nasional Berhad merupakan sebuah badan berkanun

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

35.

Sebuah syarikat pemaju perumahan memohon kebenaran untuk melaksanakan projek perumahan kos sederhana di sebuah kawasan ladang kelapa sawit.

Yang manakah pihak yang berkuasa meluluskan pertukaran status tanah pertanian kepada tanah pembangunan perumahan?

A Pihak Berkuasa Tempatan
B Pejabat Daerah dan Tanah
C Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
D Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

36. Kekosongan kerusi bagi kawasan Parlimen di negeri Sarawak perlu diisi dalam tempoh

A 60 hari
B 90 hari
C 120 hari
D 180 hari

37. Yang manakah situasi yang menyebabkan seseorang ahli Dewan Rakyat hilang kelayakannya?

I Menggunakan hak kewarganegaraan asing
II Menjalankan profesionnya sebagai seorang doktor
III Telah disiasat oleh polis berkaitan dengan kes rasuah
IV Tidak mengangkat sumpah dalam tempoh 3 bulan selepas memenangi kerusinya

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

38. Yang manakah benar tentang kuasa Dewan Negara ke atas rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat?

I Menolak rang undang-undang itu
II Meminda rang undang-undang itu
III Meluluskan rang undang-undang itu
IV Menangguhkan rang undang-undang itu

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

39. Yang manakah benar tentang bidang tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang?

I Memecat Peguam Negara
II Melantik Pesuruhjaya Kehakiman
III Mengenakan tindakan disiplin ke atas Majistret
IV Mengesahkan jawatan pegawai dalam Jabatan Peguam Negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

40. Yang manakah benar tentang bidang kuasa Mahkamah Sesyen?

I Mendengar kes rayuan daripada Mahkamah Majistret
II Memeriksa rekod kes sivil mahkamah yang lebih rendah daripadanya
III Mengeluarkan writ berkaitan dengan tuntutan perceraian dan perkahwinan
IV Membicarakan semua jenis kesalahan jenayah kecuali yang melibatkan hukuman mati

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

41. Yang manakah kes jenayah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah?

I Berjudi
II Melakukan pecah amanah wang masjid
III Mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik
IV Menyamar sebagai pegawai penguatkuasa Jabatan Agama Islam

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

42. Yang manakah merupakan anggota Lembaga Pengampunan Negeri?

I Sultan
II Menteri Besar
III Presiden Mahkamah Rayuan
IV Penasihat Undang-undang Negeri

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

43.

Kes		Mahkamah yang membicarakan
I	Menyamar sebagai polis	Mahkamah Sesyen
II	Penculikan bersenjata	Mahkamah Tinggi
III	Perebutan harta pusaka	Mahkamah Rayuan
IV	Kanak-kanak yang membunuh rakan sebaya	Mahkamah bagi Kanak-kanak

Yang manakah padanan yang tepat antara kes dengan mahkamah yang membicarakannya?

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

44. Yang manakah benar tentang Pesuruhjaya Kehakiman?

I Hanya terdapat di Sabah dan Sarawak
II Merupakan pegawai tadbir utama mahkamah
III Memiliki segala kuasa seperti Hakim Mahkamah Tinggi
IV Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Hakim Negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

45. Encik Z telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana disyaki terlibat dalam aktiviti subversif. Isteri beliau memohon agar suaminya dihadapkan ke mahkamah untuk dibebaskan.

Penyataan di atas merujuk kepada

A Alibi
B Afidavit
C Mandamus
D Habeas corpus

46. Purata usia empat orang pemain bagi pasukan petanque ialah 22 tahun. Jika tiga orang pemain baharu yang berusia 19 tahun, 16 tahun dan 23 tahun telah dipilih menyertai pasukan, berapakah purata umur pemain pasukan tersebut?

A 20 tahun
B 21 tahun
C 22 tahun
D 23 tahun

Soalan **47** *berdasarkan* **Jadual 1** *di bawah ini.*

47. **Jadual 1 : Maklumat Utama Perikanan Tahun 2005**

Jumlah Nelayan dan Penternak Akuakultur (orang)	:	108 333
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	:	1435.88
Jumlah Pendapatan (RM juta)	:	5414.46
Perikanan Marin :		
Kuantiti ('000 tan metrik)	:	1277.09
Nilai (RM juta)	:	4216.83
Akuakultur :		
Kuantiti ('000 tan metrik)	:	208.79
Nilai (RM juta)	:	1197.63

(Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan daripada Buku Perangkaan Pertanian 2007)

Yang manakah penyataan yang benar tentang **Jadual 1** di atas?

I Nisbah pengeluaran perikanan marin dengan akuakultur adalah 1: 6.12
II Pendapatan daripada perikanan marin adalah 6.5 kali ganda daripada pendapatan akuakultur
III Pendapatan purata pengeluaran hasil perikanan akuakultur adalah sebanyak RM5736.00 per tan metrik
IV Perikanan marin menyumbang sebanyak 77.88% daripada jumlah pendapatan perikanan pada tahun 2005

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

48. Tiga orang pekerja binaan, Encik Mugen, Encik Hassan dan Encik Lee telah diambil untuk mengecat sebuah banglo. Kos bahan adalah sebanyak RM2000, manakala kos buruh adalah sebanyak RM4500. Jika pembahagian kerja mereka adalah mengikut nisbah 5: 1: 2, berapakah upah yang akan diterima oleh Encik Lee?

A RM1125.00
B RM1375.00
C RM1500.00
D RM1625.00

Soalan **49** *berdasarkan* **Jadual 2** *di bawah ini.*

Jadual 2 : Enrolmen Sekolah Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan di Malaysia pada 30 Jun 2005

Peringkat	Enrolmen (orang)		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kelas Peralihan	19531	11530	31061
Tingkatan 1	228081	220703	448784
Tingkatan 2	214145	209978	424123
Tingkatan 3	205386	205794	411180
Tingkatan 4	183259	189048	372307
Tingkatan 5	182868	196298	379166
Tingkatan 6	47907	96175	144082
Jumlah	1081177	1129526	2210703

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Perangkaan Pendidikan Malaysia 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia)

49. Yang manakah penyataan yang benar tentang **Jadual 2** di atas?

I Jumlah pelajar perempuan adalah dua kali ganda pelajar lelaki di peringkat Tingkatan 6
II Lebih daripada 50% enrolmen sekolah menengah di Malaysia adalah terdiri daripada pelajar lelaki
III Nisbah pelajar perempuan kepada pelajar lelaki adalah sebanyak 1:1.07 bagi pelajar di peringkat Tingkatan 5
IV Bilangan pelajar lelaki adalah lebih banyak berbanding dengan pelajar perempuan di peringkat sekolah menengah rendah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

50. Perjalanan Encik M dari Pulau Pinang ke Rawang mengambil masa 5 jam dengan kelajuan purata 95 km/j dan berhenti berehat sekali selama 30 minit. Jika Encik M memandu dengan kelajuan 85 km/j dan bertolak pada pukul 9.00 pagi, pada pukul berapakah dia akan sampai ke destinasinya?

A 2:02 petang
B 2:32 petang
C 2:35 petang
D 3:05 petang

Soalan **51** *berdasarkan* **Jadual 3** *di bawah ini.*

Jadual 3 : Hasil Kerajaan Persekutuan 2007- 2008 (RM juta)

Hasil	2007	2008
Cukai Langsung	70117	74915
Cukai Tak Langsung	26080	26808
Hasil Bukai Cukai	44734	44192
Hasil Bukan Penerimaan	859	905
Jumlah	141790	146820

(Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan daripada Kementerian Kewangan, 2008)

51. Yang manakah penyataan yang benar tentang hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007 dan 2008?

I Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak 3.4%
II Cukai langsung menyumbangkan lebih daripada 50% hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2007 dan 2008
III Peratus sumbangan keseluruhan bagi hasil bukan penerimaan adalah sebanyak 0.6% bagi tahun 2007 dan 2008
IV Peratus sumbangan keseluruhan bagi cukai tak langsung telah menunjukkan sedikit kemerosotan pada tahun 2008 berbanding dengan tahun 2007

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

52.

- Empat pasukan unit beruniform sedang beratur dalam 4 barisan mengikut pasukan masing-masing di padang.
- Pasukan Kadet Remaja mempunyai 5 orang ahli lebih daripada pasukan Pandu Puteri.
- Pasukan Pengakap juga mempuyai 5 orang ahli lebih daripada pasukan Kadet Remaja.
- Pasukan Puteri Islam juga mempunyai 5 orang ahli lebih daripada pasukan Pengakap.

Jika jumlah pelajar adalah sebanyak 218 orang, berapakah bilangan ahli dalam pasukan Pengakap?

A 47
B 55
C 57
D 62

53.

Pembelian Kereta Jenama X

Harga kereta	: RM79 000
Pendahuluan (Tebus kereta terpakai)	: RM15 000
Cara bayaran	: Ansuran bulanan
Tempoh bayaran balik	: 6 tahun
Kadar faedah	: 2.3% setahun

Berapakah bayaran ansuran bulanan yang perlu dijelaskan bagi pembelian kereta di atas?

A RM909.33
B RM962.11
C RM1011.56
D RM1248.64

Soalan **54** *berdasarkan* **Jadual 4** *di bawah ini.*

Jadual 4 : Bayaran Cukai Pendapatan Individu Mengikut Kadar Cukai

Banjaran Pendapatan Bercukai (RM)	Pengiraan (RM)		Cukai RM / %
0 – 2 500	2500	pertama	0
2 501 – 5 000	2500	berikutnya	1%
5 001 – 10 000	5000 5000	pertama berikutnya	RM 25 3%
10 001 – 20 000	10 000 10 000	pertama berikutnya	RM 175 3%
20 001 – 35 000	20 000 15 000	pertama berikutnya	RM 475 7%
35 001 – 50 000	35 000 10 000	pertama berikutnya	RM 1525 13%

(Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan daripada LHDN, 2009)

54. Pendapatan bercukai Encik R ialah sebanyak RM 28900. Berapakah cukai yang perlu dibayar olehnya?

A RM617
B RM1098
C RM1525
D RM2023

55.

- 72% murid sekolah P berasal daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM2000.
- Bilangan murid berasal daripada keluarga yang berpendapatan RM1500 ke bawah adalah dua kali ganda bilangan murid yang berasal daripada keluarga berpendapatan antara RM1501 hingga RM2000.
- Bilangan murid berasal daripada keluarga yang berpendapatan RM2001 ke atas ialah 364 orang.

Berapakah bilangan pelajar yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan antara RM1501 hingga RM2000?

A 312
B 624
C 728
D 936

Soalan **56** *berdasarkan* **Jadual 5** *di bawah ini.*

Jadual 5 : Malaysia : Kemalangan Perusahaan 2003 – 2004

Jenis Perusahaan	2003		2004	
	Kes Dilapor	Kes Maut	Kes Dilapor	Kes Maut
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	6947	40	5677	62
Pengilangan	29780	213	26690	195
Elektrik, Gas, Air dan Kebersihan	510	8	469	10
Pembinaan	4654	95	4445	77
Perdagangan	13395	151	12948	143
Pengangkutan	4104	108	4151	73
Perkhidmatan Awam	7743	108	8325	131
Jumlah	67133	723	62705	691

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada http://www.perkeso.gov.my)

56. Yang manakah penyataan yang benar tentang **Jadual 5** di atas?

I Kes kemalangan perusahaan yang dilaporkan bagi sektor pengilangan mencatatkan kadar penurunan yang paling tinggi

II Jumlah kes kemalangan perusahaan yang dilaporkan dan kes maut telah mencatatkan kemerosotan pada tahun 2004

III Peratus kemalangan yang melibatkan kes maut bagi sektor pengangkutan dan sektor perkhidmatan awam adalah sama pada tahun 2003

IV Kadar kemalangan perusahaan yang melibatkan kes maut bagi sektor perdagangan telah mencatatkan penurunan pada tahun 2004

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

57. Dalam satu pertandingan bola sepak 5 penjuru, pasukan yang menang akan mendapat 3 mata, seri 1 mata dan tewas 0 mata. Dua pasukan yang mengutip mata tertinggi layak ke perlawanan akhir. Berikut merupakan keputusan pertandingan:

- Pasukan P hanya menang 2 perlawanan sahaja
- Pasukan Q tewas kepada pasukan R dan seri dengan 2 pasukan yang lain
- Pasukan R telah menewaskan pasukan P
- Pasukan S seri dengan pasukan T dan Q
- Pasukan T hanya tewas kepada pasukan P dan Q sahaja

Yang manakah pasukan yang layak ke perlawanan akhir?

A P dan R
B P dan T
C R dan S
D R dan Q

Soalan **58** *berdasarkan* **Jadual 6** *di bawah ini.*

Jadual 6 : Malaysia :Bilangan Institusi Swasta sehingga 31 Disember 2005

Institusi Swasta	Institusi (buah)	Pelajar (orang)	Tenaga Pengajar (orang)
Sekolah Rendah Akademik	64	13 615	1 174
Sekolah Menengah Akademik	75	14 781	1 301
Sekolah Rendah Agama	20	7 115	547
Sekolah Menengah Agama	15	3 422	300
Sekolah Menengah Persendirian Cina	60	51 234	2 758
Sekolah Antarabangsa	32	10 663	1 338
Sekolah Khas	10	999	158
Sekolah Gaya Pos	2	1 608	10
Jumlah	278	103 437	7 586

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Institusi Pendidikan Swasta", Kementerian Pelajaran Malaysia)

58. Yang manakah penyataan yang benar tentang **Jadual 6** di atas?

I Sekolah Antarabangsa mencatatkan purata pelajar sebanyak 333 orang
II Sekolah Khas mencatatkan nisbah guru kepada pelajar yang paling tinggi
III Tenaga pengajar bagi Sekolah Menengah Akademik mempunyai beban kerja yang paling ringan secara relatif
IV Sekolah Gaya Pos mencatatkan purata bilangan pelajar yang paling sedikit berbanding dengan institusi swasta yang lain

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan **59** *berdasarkan* **Carta 1** *di bawah ini.*

Carta 1 : Jumlah Pemeriksaan Premis Perniagaan di bawah Akta Hakcipta 1987 bagi Tahun 2006 dan 2007



(Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Dwitahunan 2006-2007, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

59. Yang manakah penyataan yang benar tentang **Carta 1** di atas?

I Pertambahan pemeriksaan premis perniagaan pasar malam adalah paling banyak
II Peratus pemeriksaan bagi kedai menyewa cakera padat telah berkurang sebanyak 36.9%
III Pertambahan jumlah premis perniagaan yang diperiksa pada keseluruhannya ialah sebanyak 30.5%
IV Bilangan gerai makanan yang diperiksa telah berkurangan pada tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

60. Enam orang pelajar mengadakan perbincangan dan duduk dalam bentuk bulatan. Berikut adalah kedudukan mereka semasa perbincangan:

- Santhi sebagai ketua kumpulan
- Jing Yee dan Aminah duduk bersebelahan
- Jing Yee duduk selang satu dengan Santhi dan bersebelah dengan Halim
- Aminah pula duduk di sebelah kanan Ravi yang jaraknya selang satu dari Chen Han

Yang manakah susunan kedudukan pelajar mengikut arah lawan jam?

A Aminah, Halim, Jing Yee, Chen Han, Ravi, Santhi
B Chen Han, Ravi, Aminah, Jing Yee, Halim, Santhi
C Halim, Ravi, Chen Han, Aminah, Jing Yee, Santhi
D Jing Yee, Halim, Aminah, Ravi, Chen Han, Santhi

KERTAS SOALAN TAMAT